

Headline	Bangkit buru kemenangan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Nov 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	314,000
Page No	15	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	834 cm ²
Journalist	Oleh Mohd Rati Mamat upen@bh.com.my	AdValue	RM 28,749
Frequency	Daily	PR Value	RM 86,246



Oleh Mohd Rati Mamat
upen@bh.com.my

Kuantan

Keputusan ujian percubaan yang kurang memuaskan tidak mematahkan semangat Mohamad Ridzuan Fadilah, 17, untuk bangkit semula memburu kejayaan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bermula Isnin lalu.

Bagi mencapai matlamat itu, calon Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Lepar Hilir berkenaan enggan melepaskan peluang menyertai Seminar Bimbingan Peperiksaan SPM 2014 anjuran Tabung Haji (TH) dengan kerjasama BH, baru-baru ini.

Beliau berkata, banyak manfaat diperoleh menerusi program sehari itu berikutan pendedahan kaedah dan teknik menjawab soalan peperiksaan secara berkesan oleh penceramah pakar yang berpengalaman luas.

"Saya yakin mampu melakukan yang terbaik dalam peperiksaan SPM, terutama selepas mendapat tunjuk ajar dan nasihat daripada penceramah bertaraf guru cemerlang melalui seminar ini."


Penuhi cita-cita

"Selain itu, saya akan menanamkan sepenuhnya baki masa yang ada untuk mengulang kaji pelajaran dan membuat latih tubi menjawab soalan demi memenuhi cita-cita memasuki universiti," katanya.

Mohamad Ridzuan adalah antara 250 pelajar dari 12 sekolah menengah sekitar daerah ini yang terpilih menyertai Seminar Bimbingan Pe-

Bangkit buru kecemerlangan

Calon SPM perbaiki kelemahan dalam peperiksaan percubaan



Johari turut melaungkan sorakan semangat bersama peserta Seminar Bimbingan Peperiksaan SPM 2014 di Kuantan, baru-baru ini.

riksaan SPM 2014 di Akademi Latihan FELDA, Bukit Goh di sini.

Seminar membabitkan ahli Kelab TaHa itu menumpukan kepada tiga mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Matematik dan Bahasa Inggeris.

Peserta lain dari SMK Tanah Putih, Nabilah Mardhiah Kharul Anuar, 17, pula yakin berupaya melakukan yang terbaik dalam peperiksaan SPM dengan memanfaatkan segala tip

diberikan oleh guru, termasuk melalui seminar kali ini.

Beliau berkata, pengisian Seminar Bimbingan Peperiksaan SPM 2014 itu amat berguna untuk melengkapkan lagi persiapan calon sebelum melangkah ke dalam dewan peperiksaan.

Perbaiki kelemahan

"Hanya bekalan ilmu dapat melancarkan misi memburu kecemerlangan untuk melangkah ke menara gading. Kelemahan seperti dalam mata pelajaran Matematik dapat diperbaiki selepas menyertai seminar ini yang mendedahkan teknik berkesan menjawab soalan," kata dia.



Johari (kiri) menyampaikan sijil penyertaan kepada peserta.

Inilah antara usaha TH membantu calon

mencapai keputusan cemerlang yang diimpikan"

**Johari Ismail,
Timbalan Pengarah TH
Pahang**

Beliau berkata, usaha TH membantu pelajar meraih kecemerlangan dalam peperiksaan adalah suatu inisiatif membanggakan dan wajar dicontoh pihak lain.

Sementara itu, Timbalan Pengarah TH Pahang, Johari Ismail, berkata pengajuran seminar berkenaan diharap dapat meningkatkan kemahiran pelajar menjawab soalan peperiksaan.

"Inilah antara usaha TH membantu calon mencapai keputusan cemerlang yang diimpikan," katanya dalam ucapan ringkas pada majlis penyampaian sijil penyertaan kepada pelajar terbabit.



Peserta tekun memanfaatkan teknik menjawab soalan yang diberikan oleh penceramah.